

# **PERSEPSI IBU BAPA TERHADAP MODUL KHUSUS KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA MELAYU DALAM PENDIDIKAN PRASEKOLAH**

## ***The Perception Of Parents Towards Specialized Malay Language Reading Skills Modules In Preschool Education***

Arulmozhi Narayanasamy<sup>1\*</sup>, Anis Norma Mohamad Jaafar<sup>2</sup>

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia<sup>1,2</sup>

arulragu17@gmail.com<sup>1</sup>, anisnorma@fpm.upsi.edu.my<sup>2</sup>

\*Corresponding Author

**Received:** 16 November 2023; **Accepted:** 04 April 2024; **Published:** 25 April 2024

**To cite this article (APA):** Narayanasamy, A., & Mohamad Jaafar, A. N. (2024). The Perception Of Parents Towards Specialized Malay Language Reading Skills Modules In Preschool Education. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 13(1), 56–65. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.1.5.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.1.5.2024>

### **ABSTRAK**

Kajian ini meneroka dan menganalisis persepsi serta pengalaman ibu bapa berhubung modul bacaan bahasa Melayu yang sedia ada dalam pendidikan prasekolah dan kesannya terhadap penguasaan membaca kanak-kanak. Seramai lima orang ibu bapa yang telah ditemu bual mendedahkan kata sepakat sebulat suara tentang kepentingan modul khusus membaca bahasa Melayu untuk murid prasekolah mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Modul sedemikian dilihat sebagai panduan yang berkesan untuk memupuk kemahiran membaca awal dan menyeragamkan kandungan untuk pendidikan yang konsisten. Kebimbangan dan cabaran yang berkaitan dengan modul bacaan yang tersedia di pasaran turut diketengahkan, lantaran itu menekankan keperluan untuk penilaian yang rapi. Kajian ini turut menggariskan kepentingan penglibatan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pembangunan dan kesahan kandungan dan kebolehpercayaan modul bacaan. Dapatan kajian juga memberikan pandangan untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid prasekolah, selaras dengan KSPK selain keperluan untuk menjalankan kajian lanjut tentang pembangunan modul khusus bahasa Melayu dalam pendidikan awal kanak-kanak.

**Kata kunci:** Bahasa Melayu, Pendidikan Prasekolah, modul membaca, kemahiran membaca, persepsi ibu bapa

### **ABSTRACT**

*This study explores parents' perceptions and experiences regarding existing Malay reading modules in preschool education and their impact on children's reading proficiency. Five parents were interviewed, revealing a unanimous consensus on the importance of a special module for reading Malay for preschoolers according to the national curriculum. Such modules are seen as effective tools to foster early reading skills and standardize content for consistent education. Concerns and challenges associated with commercially available reading modules are also highlighted, emphasizing the need for rigorous evaluation. This study also underlines the importance of the involvement of the Malaysian Ministry of Education (MoE) in the development and content validity and reliability of specific reading modules. The findings of the study also provide insight into improving reading skills among preschool students, in line with the national preschool curriculum and the need to conduct further research on the development of special Malay language modules in early childhood education.*

**Keywords:** Malay Language, Preschool Education, reading module, reading skills, parents' perception

## **PENGENALAN**

Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam meletakkan asas pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan literasi. Antara kemahiran penting yang perlu dimiliki oleh murid-murid prasekolah ialah penguasaan membaca, khususnya dalam bahasa Melayu (Anis Farhana, Azlina & Mohd Ziyad, 2019). Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan berfungsi sebagai medium komunikasi utama, baik dalam bentuk bertulis mahupun lisan di negara Malaysia. Dalam konteks perkembangan bahasa Melayu, penguasaan ini penting bukan sahaja untuk kejayaan akademik, bahkan untuk memelihara warisan budaya dan bahasa. Selaras dengan itu, adalah penting untuk mengutamakan pembangunan kefahaman konsep bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat keperluan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu pada peringkat awal persekolahan, iaitu dalam pendidikan prasekolah. Hal ini seterusnya menjadi persediaan melanjutkan pelajaran ke sekolah rendah dan ke peringkat seterusnya (KSPK, 2017).

Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat kebimbangan yang semakin serius tentang penguasaan kemahiran membaca murid-murid prasekolah dalam bahasa Melayu (Wei et al., 2020). Tambahan pula, Chee Sook Ching, Mahzan Arshad & Adenan Ayob (2018) dalam kajian menyatakan, masih kurang kajian tentang pembangunan modul bacaan bahasa Melayu komprehensif yang direka khusus untuk pendidikan prasekolah.

Kajian ini memfokuskan cara untuk menangani tiga cabaran yang saling berkaitan yang dikenal pasti menjadi penghalang untuk meningkatkan kemahiran membaca bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid prasekolah. Menurut Roslin & Adenan (2019), tiada modul bacaan yang sesuai yang direka khusus untuk kemahiran membaca bahasa Melayu yang memenuhi keperluan linguistik dan perkembangan murid-murid prasekolah. Perkara ini membimbangkan kerana guru prasekolah berdepan dengan cabaran ekoran ketiadaan bahan rujukan khusus dan standard yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysian (KPM). Isu ini menyebabkan guru hanya bergantung pada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran untuk pembelajaran dan pemudahcaraan di kelas prasekolah. Kajian tersebut turut menyatakan, guru prasekolah hanya bergantung pada bahan rujukan yang tersedia secara komersial untuk pembelajaran dan pemudahcaraan di kelas prasekolah yang mungkin tidak dijalankan secara kajian empirikal. Tambahan lagi, kualitinya mungkin dipersoalkan dari segi kesahan dan kebolehpercayaan kandungan bahan rujukan yang digunakan. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan para guru juga menghadapi cabaran dalam mengakses bahan rujukan yang sesuai dan berkualiti tinggi selaras dengan kandungan, bahasa dan pendekatan pedagogi untuk digunakan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas prasekolah (Roslin & Adenan, 2019).

Tinjauan dari sudut lain, kekurangan sokongan bahan bacaan komprehensif yang ketara di prasekolah selain telah menghadkan akses kepada bahan bacaan yang selaras dengan kandungan yang sama mengikut inti pati KSPK, masalah ini turut menjadi antara faktor yang menyumbang kepada kurang kecekapan dan keberkesanan dalam amalan pengajaran guru (Kamisah Buang, 2011).

Tambahan pula, cabaran ketiga tertumpu kepada kualiti dan penjajaran kandungan dalam modul bacaan sedia ada yang digunakan di prasekolah. Menurut Roslin & Adenan (2019), isu dibangkitkan tentang kesesuaian dan keberkesanan modul bacaan sedia ada dalam meningkatkan kemahiran membaca murid-murid prasekolah. Ini terjadi kerana bahan tersebut

sangat umum dan tidak khusus untuk keperluan individu serta tidak melalui fasa kajian kesahan dan kebolehpercayaan modul.

Sehubungan dengan itu, kepentingan menangani cabaran ini tidak boleh dipertikaikan. Merujuk Haiza Hayati Baharuddin et al. (2021), kegagalan berbuat demikian berisiko menghalang perkembangan kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid prasekolah. Ini juga mungkin mempunyai implikasi jangka panjang dalam kemajuan akademik dan kecekapan bahasa murid-murid prasekolah. Kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan dan perspektif ibu bapa tentang modul membaca yang direka bentuk khusus bagi meningkatkan kemahiran membaca dalam bahasa Melayu. Ini setelah mengambil kira situasi bahan bacaan yang tidak mencukupi di prasekolah selain kebimbangan terhadap kesahan dan kandungan modul bacaan yang sedia digunakan di dalam kelas. Dengan meneliti isu-isu ini secara menyeluruh, kajian ini berusaha untuk memberi sumbangan yang berharga kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu, kajian turut menyokong pembangunan strategi berkesan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid prasekolah.

### **Kemahiran Asas Membaca**

Kemahiran membaca didefinisikan sebagai keupayaan untuk memahami dan menggunakan teks dalam pembelajaran, yakni kedua-duanya boleh dipelajari (Du et al., 2022). Membaca merupakan aktiviti kompleks yang memerlukan pengaktifan berkesan dan serentak melibatkan kemahiran kognitif seperti bahasa, ingatan dan perhatian. Kapasiti ini berkembang secara progresif selepas pengajaran celik huruf pada kebanyakan kanak-kanak dan menjadi automatik apabila berusia sekitar umur tujuh tahun (Youman & Mather, 2020). Ini terjadi kerana membaca ialah teknik yang digunakan oleh pembaca untuk mendapatkan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis melalui perantara perkataan atau bahasa bertulis (Hendriarto et al., 2021).

Membaca merupakan salah satu komponen kemahiran bahasa yang mempunyai konotasi yang tidak semestinya sama bagi setiap orang. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat golongan yang menganggap membaca sebagai proses pasif, manakala golongan yang lain menganggapnya sebagai proses kognitif yang aktif. Namun demikian, tahap kognitif kanak-kanak memiliki hubungan dengan ketabahan untuk belajar membaca (Yoon et al., 2022). Membaca pula ialah kebolehan menyebut dan memahami lambang bunyi bahasa. Bunyi vokal yang merupakan asas dalam kebolehan lisan bagi kemahiran bertutur, membaca dan menulis merupakan elemen teras dalam pemerolehan kemahiran membaca yang harus dimulakan dalam lima tahun pertama usia kanak-kanak (Mary et al., 2020). Permulaan peringkat pramembaca bermula sejak bayi kerana sudah mendapat bunyi seperti ta, ta, ma, ma yang mewujudkan teras kemahiran membaca bunyi asas. Kemahiran membaca pada peringkat permulaan mempunyai kesan yang besar kepada kemahiran membaca lanjutan (Fatmawati & Marlina, 2021). Oleh sebab ini, kemahiran membaca pada awal usia kanak-kanak menjadi asas kepada keupayaan lanjutan yang memerlukan perhatian guru dan ibu bapa.

Sebaliknya, kanak-kanak yang sukar menguasai asas kemahiran membaca seperti kesedaran fonologi, pengetahuan abjad, konsep fonik, penamaan automatik yang cepat (keupayaan untuk menamakan huruf dengan cepat dan automatik) dan pemahaman umum (keupayaan untuk mentafsir bahan bacaan) akan sukar untuk menguasai kemahiran membaca (Chunsuwan et al., 2020). Kanak-kanak yang gagal menguasai kemahiran asas membaca juga memiliki masalah dalam pertuturan, pemprosesan fonologi, pemahaman sintaksis, pengetahuan morfologi dan beberapa aspek metalinguistik (Bar-Kochva et al., 2021).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilakukan untuk memahami dan menganalisis persepsi ibu bapa tentang modul bacaan yang khusus bagi kemahiran membaca bahasa Melayu, sokongan bahan bacaan yang tidak mencukupi dan terhadap kualiti kandungan dalam modul bacaan sedia ada yang digunakan untuk pembelajaran bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah. Objektif kajian ini bertujuan:

- i. Mengenal pasti cabaran dan kebimbangan yang dihadapi oleh ibu bapa tentang kandungan dan penyampaian modul bacaan bahasa Melayu yang digunakan di prasekolah.
- ii. Melihat persepsi ibu bapa terhadap pembangunan modul khusus untuk kemahiran membaca bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan untuk mengkaji persepsi ibu bapa terhadap modul khusus kemahiran membaca bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah. Responden kajian terdiri daripada lima orang ibu bapa murid prasekolah yang berumur lima dan enam tahun. Kaedah pensampelan bertujuan digunakan untuk memilih kumpulan ibu bapa dengan mengambil kira faktor seperti umur anak-anak mereka, latar belakang pendidikan dan latar belakang sosioekonomi. Kepelbagaian ini memastikan pelbagai perspektif dan pengalaman yang komprehensif. Temu bual dirakam sebelum audio ditranskripsi untuk analisis kualitatif. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema, corak dan pandangan yang berulang, memberikan pemahaman secara terperinci tentang persepsi mereka berkenaan modul khusus untuk bacaan bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah.

Dalam fasa kualitatif kajian ini, temu bual separa berstruktur telah dijalankan bersama ibu bapa kanak-kanak prasekolah. Temu bual ini berfungsi sebagai komponen penting dalam pengumpulan data dan bertujuan memberi gambaran tentang cabaran dan persepsi yang berkaitan dengan perkembangan kemahiran membaca bahasa Melayu dalam kalangan anak-anak mereka. Temu bual separa berstruktur telah direka bentuk untuk membolehkan ibu bapa berkongsi pengalaman, kebimbangan dan cadangan tentang modul bacaan yang digunakan, tahap sokongan membaca dalam persekitaran prasekolah dan kualiti kandungan modul. Sifat terbuka temu bual ini menggalakkan ibu bapa untuk meluahkan fikiran, pandangan dan cadangan mereka secara bebas (Shen et al., 2022).

Proses pengumpulan dan analisis data kualitatif telah dirujuk dan diikuti menurut pandangan Creswell (2009) serta Miles & Huberman (1994). Temu bual telah dirakam sebelum audio ditranskripsi untuk analisis kualitatif. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema, corak dan pandangan yang berulang, memberikan pemahaman tentang cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dan persepsi mereka berkenaan modul bacaan dan sokongan dalam pendidikan prasekolah.

Menurut pengkaji Merriam (1998) dan Patton (1990), terdapat ciri yang dikehendaki dalam kajian ini, iaitu kaedah pensampelan bertujuan kerana kesesuaian kaedah ini untuk mengenal pasti dan menentukan responden kajian (Merriam, 1998).

Fasa kualitatif ini telah memainkan peranan penting dalam menjelaskan perspektif ibu bapa, menyatakan kebimbangan dan memberi cadangan yang berkaitan isu kajian. Dapatan daripada temu bual ini telah membentangkan pandangan menyeluruh persepsi ibu bapa terhadap modul khusus kemahiran membaca bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

Temu bual bersama lima orang responden memberikan pandangan tentang persepsi dan pengalaman mereka berkaitan modul bacaan bahasa Melayu yang sedia ada dalam pendidikan prasekolah, serta kesan kepada penguasaan membaca anak-anak mereka dalam bentuk tiga tema seperti berikut :

### **Tema 1 : Pengalaman positif terhadap modul membaca bahasa Melayu.**

Seramai empat responden berkongsi pengalaman positif terhadap modul membaca bahasa Melayu.

**R1 :** Responden menyatakan bahawa anaknya yang belajar di tadika swasta dengan modul membaca bahasa Melayu dan *compact disc* (CD) muzik iringan telah melahirkan pengalaman yang positif. Modul dan CD didapati sangat berkesan dalam membantu perkembangan kemahiran membaca anaknya. Tambahan pula, bahan tersebut boleh dibawa balik untuk kegunaan di rumah, justeru menyumbang kepada pembelajaran di rumah yang berkesan.

**R2 :** Responden menyatakan modul membaca sangat bagus dan selaras dengan pemahaman tahap anak.

**R4 :** Responden berkongsi pengalaman positif dengan tadika swasta yang menggunakan modul khusus bagi semua mata pelajaran, termasuk modul bahasa Melayu berasaskan fonik. Kandungan modul yang berwarna-warni dan menarik sangat berkesan dalam penguasaan kemahiran membaca anaknya. Di samping itu, responden juga berkongsi bahawa semua cawangan tadika tersebut menggunakan modul yang sama yang menawarkan pengalaman pembelajaran yang konsisten kerana kandungan modul adalah seragam.

**R5 :** Responden menjelaskan bahawa anaknya belajar di tadika swasta menggunakan Modul Anakku, menyatakan keraguan awal tentang kesahan dan kandungan modul tetapi setelah dijelaskan oleh guru prasekolah dan melihat perkembangan tahap membaca anaknya, akhirnya mendapati modul itu sangat berkesan. Responden juga menekankan bahawa modul membaca sangat berkesan kepada penguasaan membaca kanak-kanak. Oleh itu, responden berharap KPM perlu membangunkan satu modul khas untuk bahasa Melayu yang perlu diselaraskan penggunaannya di semua tadika dan prasekolah.

Dapatan ini menggariskan pengalaman dan persepsi ibu bapa tentang modul membaca bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah. Semua responden memberikan pandangan bahawa modul yang khusus dan standard untuk bahasa Melayu bagi aspek kemahiran membaca memberi kesan yang memberangsangkan dalam pendidikan prasekolah. Ini bertujuan bagi memastikan pendekatan yang konsisten dan efektif dalam peningkatan tahap kemahiran membaca murid-murid prasekolah. Tidak dapat dinafikan bahawa dapatan ini juga menonjolkan kepentingan untuk kajian lanjut dan potensi penambahbaikan dalam program pendidikan prasekolah.

## **Tema 2 : Kebimbangan terhadap kandungan dan penyampaian modul yang terdapat di kelas prasekolah dan di pasaran.**

Tiga orang responden berkongsi kebimbangan terhadap modul yang disediakan di kelas prasekolah.

**R3 :** Responden berkongsi kebimbangan bahawa kepelbagaian modul yang tersedia di prasekolah mempunyai kandungan dan arahan yang berbeza-beza dalam modul menimbulkan kesukaran kepada ibu bapa untuk memahami dan membimbing anak-anak di rumah. Responden juga menyatakan kelewatan dalam penguasaan membaca berlaku selepas anaknya berpindah ke sekolah lain kerana sekolah baru menggunakan modul yang berbeza. Responden juga menekankan keperluan bahawa ibu bapa juga perlu meneliti kandungan modul tersebut kerana beberapa kandungan modul seperti imej, mungkin tidak sesuai untuk kanak-kanak. Selain itu, keperluan guru menilai modul sebelum menggunakannya di kelas prasekolah kerana terdapat modul yang tidak dibenarkan untuk dibawa pulang ke rumah. Oleh itu, ibu bapa tidak mengetahui kandungan modul tersebut.

**R4 :** Responden menyatakan kebimbangan tentang modul yang sedia ada dan menekankan keperluan modul membaca yang selaras dengan kurikulum yang disediakan oleh KPM. Responden juga menegaskan bahawa modul yang digunakan di prasekolah mempunyai versi yang berbeza di setiap prasekolah. Maka, kesannya tidak dapat digeneralisasikan kepada semua murid kerana modul yang digunakan tidak sama.

**R5 :** Responden menyatakan kebimbangan yang sama tentang kandungan modul yang tersedia di pasaran yang digunakan di kelas prasekolah. Responden meragui sama ada modul tersebut menjalani saringan yang betul sebelum diterbitkan dan sama ada elemen yang digunakan sesuai atau tidak bagi peringkat perkembangan kanak-kanak. Kebimbangan ini menyebabkan beliau menggunakan modul yang disediakan oleh pihak tadika dan menekankan keperluan KPM melibatkan diri dalam menjalankan kesahan dan kebolehpercayaan kandungan modul yang digunakan di tadika swasta dan prasekolah.

Dapatan ini menyerlahkan kebimbangan yang ketara dalam kalangan ibu bapa mengenai kandungan dan kualiti modul bacaan yang tersedia di pasaran untuk kanak-kanak prasekolah. Kebimbangan tentang kesesuaian modul ini juga menekankan keperluan untuk pertimbangan yang teliti tentang kandungan modul sebelum digunakan di dalam kelas.

## **Tema 3 : Penting modul membaca bahasa Melayu untuk perkembangan kemahiran membaca murid berdasarkan KSPK dari KPM.**

Kelima-lima responden bersetuju dengan tema penting modul membaca bahasa Melayu dalam perkembangan kemahiran membaca murid-murid prasekolah.

**R1 :** Responden menekankan kepentingan membangunkan modul membaca yang selaras dengan KSPK serta boleh berkolaborasi dengan tadika swasta supaya sistem pendidikan awal kanak-kanak dapat menggunakan modul yang selaras. Responden juga menyatakan bahawa KPM perlu menangani isu pembangunan modul membaca dengan lebih serius.

**R2 :** Responden menjelaskan kepentingan modul membaca untuk kanak-kanak, memandangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan merupakan *lingua franca*.

Responden juga percaya bahawa modul ini sangat berkesan dalam membantu kanak-kanak mengembangkan kemahiran membaca dengan lebih efektif.

**R3 :** Responden menyatakan kepentingan modul membaca dalam bahasa Melayu dan mencadangkan agar modul harus dihasilkan dengan mengutamakan pembelajaran fonik dan menampilkan kandungan yang produktif untuk menjadikan bacaan lebih menarik kepada kanak-kanak. Di samping itu, responden percaya bahawa modul membaca akan memberi kesan yang efektif, terutamanya jika modul tersebut melalui proses kesahan kandungan dan kebolehpercayaan oleh pihak KPM.

**R4 :** Responden menjelaskan keperluan modul membaca yang perlu diseragamkan oleh KPM dengan menyatakan modul dengan kandungan yang seragam akan memberikan input yang sama kepada semua murid prasekolah dan dapat menyelaraskan proses penilaian oleh guru prasekolah. Responden juga menjangkakan kesan yang positif jika modul melalui kesahan kandungan, maka inti pati tidak akan menimbulkan sebarang keraguan dan menekankan kepentingan modul membaca, kerana kemahiran membaca merupakan pencapaian awal seseorang kanak-kanak.

**R5 :** Responden berpendapat bahawa modul membaca adalah penting untuk semua murid prasekolah kerana tanpa modul tersebut, adalah sukar untuk menilai keberkesanannya.

Dapatan ini menyerlahkan kata sepakat sebulat suara dalam kalangan responden tentang kepentingan modul bacaan bahasa Melayu untuk murid prasekolah berdasarkan KSPK. Persepsi responden menunjukkan bahawa modul tersebut dilihat sebagai panduan yang berkesan untuk meningkatkan tahap kemahiran membaca dan keperluan menyeragamkan modul membaca dalam pendidikan prasekolah. Turut ditekankan, keperluan penglibatan KPM dalam pembangunan modul khusus untuk kemahiran membaca bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Hasil dapatan kajian mendedahkan kata sepakat sebulat suara dalam kalangan ibu bapa berhubung dengan kepentingan modul membaca bahasa Melayu untuk murid prasekolah dengan berlandaskan KSPK. Modul ini dilihat sebagai panduan yang berkesan untuk memupuk kemahiran membaca dan menyeragamkan kandungan untuk pembelajaran yang konsisten. Buang and Mohd Majzub (2012) juga menawarkan pandangan yang sama bahawa penting bagi murid prasekolah menggunakan modul bacaan berstruktur untuk membantu mereka mengembangkan kemahiran membaca dan mencapai prestasi akademik yang baik pada masa hadapan.

Responden juga menekankan betapa pentingnya penglibatan KPM dalam pembangunan dan pengesahan modul tersebut. Sesuatu modul boleh mencapai matlamat pembelajaran dengan jayanya jika ia menjalani penilaian yang teliti terhadap kesahihan dan kebolehpercayaannya (Armizawani Mohamed Buang dan Sharul Effendy Janudin, 2021).

Kajian juga mengetengahkan kebimbangan dan cabaran penting yang berkaitan dengan kandungan serta penyampaian modul bacaan yang tersedia di pasaran. Ibu bapa menyatakan keraguan tentang kesesuaian modul yang tersedia di pasaran untuk kanak-kanak dan

menekankan keperluan untuk penilaian yang rapi sebelum digunakan di kelas prasekolah. Pernyataan ini disokong oleh pengkaji Roslin dan Adenan (2019) yang menekankan keperluan membangunkan modul untuk kemahiran membaca, kerana ramai guru bergantung pada buku atau bahan yang tersedia secara komersial yang tidak melalui proses kesahan kandungan dan kebolehpercayaan modul dan menjadi persoalan dari segi kandungan dan keberkesanan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Perkara ini juga disokong oleh Nur Hidayah et al. (2023) yang menyatakan bahawa pakar perlu menyemak kandungan modul atau bahan bacaan untuk memastikan kesesuaiannya, manakala guru juga perlu menyemaknya untuk memastikan kebolehpercayaan modul tersebut. Ini akan memastikan bahawa modul tersebut melalui fasa pengesahan sebelum digunakan di kelas. Kepercayaan yang diberikan oleh ibu bapa terhadap bahan yang disediakan oleh KPM menggariskan kepentingan untuk menangani cabaran ini.

Secara keseluruhannya, dapatan menggariskan peranan kritikal modul membaca dalam pendidikan prasekolah, dengan implikasi pembangunan modul yang melalui fasa kesahan kandungan dan kebolehpercayaan bagi meningkatkan tahap kemahiran membaca dalam kalangan murid prasekolah. Kajian dan transformasi dalam program pendidikan prasekolah adalah wajar berdasarkan pandangan ini. Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran awal mengenai keperluan pembangunan modul khusus seperti 'Bacalah Anakku', Modul Mari Membaca', 'Bacalah Sayang', 'Membaca Cepat' dan sebagainya untuk meningkatkan kemahiran membaca bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini merupakan satu kajian yang meneliti persepsi ibu bapa terhadap pembangunan 'Modul Saya Boleh Baca' (Modul I-Saboba) untuk kemahiran membaca bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah. Kajian ini menggariskan persetujuan sebulat suara dalam kalangan ibu bapa tentang peranan penting modul dalam pendidikan awal kanak-kanak. Modul ini dilihat sebagai alat yang berkesan untuk memupuk kemahiran membaca awal. Kajian terdahulu yang dijalankan oleh Hayati dan Abdul Halim (2022); Fong (2022); Roslin dan Adenan (2019); Jupri et al. (2018); Ali (2016); membuktikan keberkesanan modul membaca terhadap penguasaan kemahiran membaca murid-murid prasekolah. Kajian ini juga menekankan kepentingan penglibatan KPM dalam pembangunan dan kesahan kandungan serta kebolehpercayaan modul-modul yang dihasilkan. Selain itu, dapatan kajian turut menyerlahkan kebimbangan dan cabaran yang berkaitan dengan kandungan serta penyampaian modul bacaan yang tersedia di pasaran. Ini sekali gus menekankan keperluan untuk menjalankan penilaian dan pengesahan yang rapi sebelum digunakan di kelas. Kesimpulannya, kajian ini memberikan pemahaman awal tentang keperluan pembangunan 'Modul Saya Boleh Baca' (Modul I-Saboba) yang selaras dengan kerangka KSPK sebagai satu kaedah bimbingan untuk meningkatkan kebolehan membaca bahasa Melayu murid-murid prasekolah.



## RUJUKAN

- Ali, Aliza. (2016). Pembangunan dan kebolegunaan modul berasaskan bermain bagi pembelajaran kemahiran Bahasa Melayu murid-murid prasekolah. 6. 16-29.
- Anis Farhana Mohd Kassim, Azlina Mohd Khir, & Mohd Ziyad Afiq Zaharim. (2019). Motivasi membaca, persekitaran membaca di rumah dan sikap membaca dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4 (6), 92-100.
- Armizawani Mohamed Buang dan Sharul Effendy Janudin. (2021). Kesahan kandungan dan kebolehpercayaan: Modul spreadsheet belanjawan. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 19 (1), 1-22. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jd/article/view/14345/7417>
- Buang, K., & Mohd Majzub, R. @ R. M (2012). *Pembangunan Dan Pengujian Modul Intervensi Membaca Bahasa Melayu Prasekolah: Development And Intervention Of Bahasa Melayu Reading Module For Kindergarten Children*. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/754>
- Bar-Kochva, I., Vágvölgyi, R., Dresler, T., Nagengast, B., Schröter, H., Schrader, J., & Nuerk, H. C. (2021). Basic reading and reading-related language skills in adults with deficient reading comprehension who read a transparent orthography. *Reading and Writing*, 34(9), 2357-2379. <https://doi.org/10.1007/s11145-021-10147-4>
- Chee S. C., Mahzan Arshad dan Adenan Ayob. (2018). Penilaian semula pengajaran dan pembelajaran dalam pembacaan awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(10), 1-8. <http://www.ijepc.com/PDF/IJEP-2018-10-03-01.pdf>
- Chunswan, I., Ruangdaraganon, N., Vibulpatanavong, K., Charoensiriwath, S., & Peethong, A. (2020). Using Kidarn application to assess Thai early reading skills: Evaluating validity and reliability. *Asia Pacific Journal of Developmental Differences*, 7(2), 265-280. <https://doi.org/10.3850/S2345734120000141>
- Creswell, J. W. (2009). Mapping the field of mixed methods research. *Journal of mixed methods research*, 3(2), 95-108. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1177/1558689808330883>
- Du, R., Sidhu, G. K., & Arief Shamida. (2022). Using the PAH in Teaching Reading to Sustain the Quality of EFL Students' Life. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 7(22), 33-38. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v7i22.4145>
- Fatmawati, F., & Marlina, M. (2021). Increasing Basic Reading Skill for Children with Learning Difficulties through SILABA Method. *Journal of ICSAR*, 5(2), 84-88.
- Fong, T. Y. (2022). *Pembangunan dan Penilaian Modul membaca Awal Menggunakan Kaedah Fonik Bahasa Melayu Di Prasekolah Aliran Cina* (pp. 218–223) [Thesis *Pembangunan dan Penilaian Modul membaca Awal Menggunakan Kaedah Fonik Bahasa Melayu Di Prasekolah Aliran Cina*]. <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=9538>
- Hayati, B. H., & Abdul Halim, M. (2022). *Children's Reading Game Module Using Android Technology Applications*. Nova Science Publisher, Inc.
- Hendriarto, P., Aslan, A., Mardhiah, M., Sholihin, R., & Wahyudin, W. (2021). The Relevance of Inquiry-Based Learning in Basic Reading Skills Exercises for Improving Student Learning Outcomes in Madrasah Ibtidaiyah. *At-Tajdid: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Islam*, 5(1), 28-41.
- Jupri, B., Zainiah, M. I., Mazlina, C. M., & Satoria, A. (2018). Kesan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) Terhadap Pencapaian Kemahiran Literasi Awal Mengikut Umur Kanak-kanak. *Simposium Kebangsaan Kanak-kanak dan Keluarga*, Universiti Sabah Malaysia, Kota Kinabalu Sabah.
- Kamisah, B. (2011). *Pembangunan dan pengujian modul intervensi membaca Bahasa Malaysia prasekolah berbantuan Multimedia* (Tesis Doktor Falsafah). Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mary, M., George, A. N., & Omwenga, E. (2020). Influence of Parental Economic Status and Utilization of Teaching and Learning Resources on Achievement of Basic Reading Skills among Grade Two Learners in Public Primary Schools in Nyamira South Sub-County, Nyamira County, Kenya. *Journal of Research Innovation and Implications in Education*, 4(1), 83-93.
- Merriam, S. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook*. Sage.
- Nur Hidayah, R., Nurul Haniza, S., & Nur Yuhanis, M. N. (2023). Kesahan Kandungan dan Kebolehpercayaan: Modul Asas Membaca Anakku (MAMA) di Prasekolah. *PENDETA*, 14(1), 130–141. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.10.2023>
- Roslin, F., & Adenan, A. (2019). Pembangunan Modul Baca-Tulis Digital Bahasa Melayu Untuk murid-Murid Prasekolah Dengan Pendekatan Model ADDIE. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia (JPHUM)*, 2(2), 20-40.
- Shen, X., Barlacchi, G., Tredici, M., Cheng, W., & Gispert, A. (2022). semiPQA: A Study on Product Question Answering over Semi-structured Data. *Proceedings of The Fifth Workshop on e-Commerce and NLP*

- (ECNLP 5). <https://doi.org/10.18653/v1/2022.ecnlp-1.14>.
- Wei, S. L. Y., Alizah, L., & Rosliah, K. (2020). Penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak: The proficiency of Malay Language in reading skills among non-native students at Bintulu, Sarawak. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 6(1), 33-42. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol6.1.4.2020>
- Yoon, S., Pei, F., Benavides, J. L., Ploss, A., Logan, J., & Hamby, S. (2022). The long-term effects of early childhood resilience profiles on school outcomes among children in the child welfare system. *International journal of environmental research and public health*, 19(10), 5987. <https://doi.org/10.3390/ijerph19105987>
- Youman, M., & Mather, N. (2020). Cognitive correlates of basic reading skills in spanish-speaking english language learners: Implications for dyslexia assessment. *Contemporary School Psychology*, 24, 406-418. <https://doi.org/10.1007/s40688-019-00255-y>